

# Profesionalisme Kaunselor Sekolah Rendah


JOHARI TALIB

## ABSTRACT

*This paper presents a qualitative research report on primary school counselors' professionalism. This study was based on detailed interviews between the researcher and 15 qualified primary school counselors graduated from one teachers' institute. The outcomes of this research are divided into three parts following the research questions: pupils' problems, counselors' perceptions on their role as school counselor and counselors' evaluation on courses and training they attended at the teachers' institute. There are two categories of problems brought by primary school pupils to the counselors: Category 1 involved ordinary cases that can be easily solved by the counselors, Category 2 involved more serious cases which the counselors found difficult to handle due to four main obstacles. The four main obstacles are related to counselors' self-efficacy, administrator's red-tape, school and community's attitudes towards counseling services and the effectiveness of counseling training courses attended. These problems need to be given attention to improve primary school counseling services.*

## PENDAHULUAN


Khidmat kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia bermula pada tahun 1968 melalui Surat Pekeliling KP 5209/30 (13) 1 September 1968 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/1976/1975 dan pada masa itu dikenali sebagai 'Khidmat Bimbingan'. Pada tahun 1975 satu lagi surat pekeling telah disiarkan iaitu Surat Pekeliling KP 5209, 34 (4) bagi menyelaras khidmat bimbingan di peringkat negeri dan sekolah-sekolah Malaysia. Khidmat Kaunseling disiarkan sekali lagi melalui Surat Pekeliling KP 5209/34(4) pada tahun 1984 yang berbunyi "kami mencadangkan bahawa semua sekolah rendah dan sekolah menengah supaya melantik seorang guru bimbingan". Bagi memulakan khidmat bimbingan, seorang pegawai yang memantau khidmat bimbingan mula dilantik di peringkat Kementerian Pelajaran pada tahun 1968 di bawah payung Bahagian Penyelidikan dan Perancangan, Kementerian Pelajaran Malaysia.



Bagi mengisi keperluan khidmat kaunseling di sekolah-sekolah Malaysia, Maktab Perguruan Ilmu Khas telah menawarkan kursus kaunseling pada peringkat sijil yang mengambil masa enam bulan atau setahun. Kemudian Universiti Kebangsaan Malaysia telah menawarkan kursus Diploma Kaunseling diikuti Universiti Pertanian Malaysia yang menawarkan Ijazah Pendidikan (Kaunseling) bagi mengisi keperluan kaunselor sekolah menengah. Selepas itu lebih banyak lagi universiti awam menawarkan kursus kaunseling pada peringkat ijazah pertama dan sarjana dan dalam masa yang sama maktab-maktab perguruan di Malaysia terus menawarkan kursus yang sama. Kebanyakan guru yang mengikuti kursus lanjutan enam bulan dan setahun di maktab perguruan telah diterima melanjutkan pelajaran pada peringkat ijazah terutama di Universiti Pertanian Malaysia pada masa itu. Pada peringkat awal kebanyakan guru yang dilatih di pelbagai institusi ini berkhidmat di sekolah menengah di serata negara. Walaupun terdapat sekolah rendah yang memulakan khidmat bimbingan dan kaunseling tetapi jumlahnya adalah terhad.

Perubahan-perubahan yang berlaku di negara ini terutama yang berkaitan dengan perubahan demografi dan bidang kerjaya menurut sektor telah menyebabkan perlunya dimantapkan khidmat kaunseling di sekolah-sekolah rendah di seluruh negara. Pada tahun 2004 sejumlah hampir 55% penduduk Malaysia tinggal di bandar sebagai kesan dari proses migrasi penduduk luar bandar ke bandar yang ditarik oleh faktor perkembangan industri yang memberi peluang pekerjaan luas kepada penduduk Malaysia (Malaysia 2004). Migrasi penduduk luar bandar ke bandar menyebabkan berlaku kesesakan di kawasan-kawasan pinggir bandar dan turut mengalami perubahan ialah kesesakan sekolah-sekolah yang purata bagi sebuah bilik darjah adalah di antara 35 hingga 50 orang murid. Perubahan-perubahan ini memberikan pelbagai kesan positif dan negatif tetapi golongan yang terpaksa berhempas pulas mencari rezeki ialah golongan berpendapatan rendah kerana sistem sokongan sosial negara ini masih berada pada tahap minimum.

Desakan hidup kesan dari kos hidup yang tinggi serta pembentukan semakin banyak keluarga asas (hampir 68 peratus keluarga Malaysia adalah keluarga asas) menyebabkan kanak-kanak dan remaja terutamanya menjadi mangsa keadaan. Masalah murid di rumah mahu tidak mahu akan melibatkan juga satu lagi agen sosialisasi iaitu sekolah. Lantas itu pihak sekolah menerima semakin banyak murid-murid bermasalah dan masalah mereka adalah semakin rumit, serumit perubahan-perubahan yang ibu bapa mereka alami (Johari Talib 2002). Pada tahun 2003 Kementerian Pelajaran Malaysia telah memulakan kursus kaunseling bagi Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) di beberapa buah maktab perguruan di samping menawarkan kursus 14 minggu bagi guru-guru terlatih bagi menampung keperluan khidmat bimbingan dan kaunseling yang mendesak di sekolah-sekolah rendah di Malaysia. Bagi guru-guru KPLI




Kaunseling, kursus yang mereka ikuti sama sahaja dengan kursus lain tetapi pengkhususan utama adalah asas kaunseling di samping kursus Pengajian Moral sebagai pengkhususan kedua. Dalam tempoh hanya 9 bulan mereka diberikan input bagi asas kaunseling, Pendidikan Moral, Ilmu Pendidikan, Bahasa Inggeris dan asas Pendidikan Jasmani. Kebanyakan mereka mempunyai ijazah asas dalam bidang-bidang yang berkaitan iaitu Psikologi dan Kerja Sosial. Adakah masa yang diberikan mencukupi bagi melatih mereka menjadi seorang kaunselor yang bertauliah? Makalah ini adalah satu usaha menghuraikan permasalahan kaunselor sekolah rendah dan pelbagai punca yang mengekang mereka menjalankan khidmat secara profesional.

### PERNYATAAN MASALAH

Isu berkaitan dengan profesionalisme khidmat bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah amnya telah banyak dilapor dan diperkatakan. Antara masalah yang wujud berkaitan dengan profesionalisme kaunselor sekolah rendah ialah kegagalan pihak pentadbir menyelaras tugas kaunselor secara berkesan kerana kurang arif tentang khidmat kaunseling (Myrick 2001), kaunselor diminta melakukan tugas-tugas lain yang kurang berkaitan dengan khidmat kaunseling (Zulmahari Merawi 2003), konflik tugas kerana kegagalan pihak pentadbir memahami khidmat kaunseling (Baker 2000; Andy Frederick 2007), banyak masa digunakan untuk aktiviti lain dari khidmat kaunseling, memainkan pelbagai peranan atau dwi peranan termasuk mengajar dan menggantikan kelas serta mengalami konflik tugas (Ching Mey 1996) dan perasaan cemburu dari guru-guru lain kerana kaunselor kurang mengajar (Zuria Mahmud 1998). Keseluruhan laporan ini adalah berkaitan dengan kerjasama pelbagai pihak terhadap menegakkan satu bentuk khidmat kaunseling yang profesional di sekolah rendah dan pihak-pihak yang penting dalam hal ini ialah pentadbir sekolah/atau guru besar, penolong guru besar, penyelia petang dan guru-guru lain di sekolah dan yang paling penting ialah penampilan kaunselor itu sendiri dalam memantapkan kemahirannya serta keberkesanan program yang dijalankan.


Profesionalisme khidmat kaunseling di sekolah-sekolah rendah adalah bermaksud sejauh manakah kaunselor boleh menjalankan tugas secara berkesan. Persatuan Kaunselor Sekolah Amerika (ASCA 2000: 1) menjelaskan perkara ini secara menyeluruh, '*Professional school counselors are advocates, leaders, collaborators, and consultants who create opportunities for equity in access and success in educational opportunities by connecting their programs to the mission of schools...*'. Tanggungjawab kaunselor profesional adalah luas berdasarkan kepada prinsip: iaitu semua murid tanpa mengira latar belakang kelas dan etnik adalah berhak untuk dihormati dan menerima khidmat kaunseling,



tiap individu berhak menerima maklumat bagi memperbaiki diri mereka, tiap individu mempunyai hak untuk memahami peluang pendidikan mereka, dan tiap individu berhak mengekalkan privasi mereka. Seterusnya ASCA (2000) menggariskan peranan dan tanggungjawab utama kaunselor yang menentukan profesionalisme mereka. Tanggungjawab utama tersebut adalah merangkumi tanggungjawab terhadap murid dan pelajar, tanggungjawab terhadap ibu bapa dan penjaga murid, tanggungjawab terhadap rakan sekerja dan badan profesional, tanggungjawab terhadap sekolah dan komuniti, tanggungjawab terhadap profesion dan tanggungjawab mengekalkan kewibawaan sebagai seorang kaunselor.

Bagaimanakah seorang kaunselor mempamerkan keberkesannya? Brott (2006) mencadangkan bahawa keberkesanan seseorang kaunselor mempunyai kaitan dengan penilaian yang dibuat terhadap hasilan khidmat kaunseling itu sendiri. Dalam keadaan ini persoalannya ialah adakah berlaku pembaikan di kalangan murid sekolah yang menerima khidmat? Adakah kes-kes yang sering dihadapi di sekolah berkaitan dengan masalah tingkah laku semakin berkurangan? Adakah pencapaian khidmat kaunseling membanggakan dan berkesan, berfungsi, praktis yang berkesan, serta menggunakan teknik-teknik terkini? Penilaian ini boleh dilakukan terhadap perkembangan kes, aktiviti murid, aktiviti-aktiviti berkala yang dijalankan kaunselor, penilaian terhadap kes dan pengaturcaraan pelbagai program sama seperti yang telah digariskan oleh ASCA (2000). Peranan kaunselor di sekolah semakin mencabar berdasarkan pelbagai masalah yang dihadapi murid dan anggota masyarakat. Secara menyeluruh dan hampir 75% masalah kesihatan mental murid-murid sekolah adalah disokong melalui pelbagai intervensi di sekolah (Burn & Hoagwood 2002). Sungguhpun begitu, keberkesanan khidmat kaunseling masih bergantung kepada kepakaran kaunselor dan sumber yang disediakan di sekolah. Misalnya, jika berpuluh ribu murid mengalami masalah traumatik dan dengan jumlah kaunselor yang terhad, mampukah mereka menjalankan khidmat dengan berkesan? (Allen & Ashbaker 2004; Heath & Sheen 2004). Krisis ini semakin serius apabila nisbah murid dengan kaunselor tidak seimbang. Amerika Syarikat misalnya sedang mengalami krisis yang sama dengan nisbah 1 kaunselor = 400 murid. Slaikeu (1990:15) menjelaskan bahawa krisis sebagai, '*A temporary state of upset and disorganization, characterized chiefly by individual's inability to cope with a particular situation using customary methods of problem solving*'. Adakah masalah dan krisis yang sama sedang melanda sekolah-sekolah di Malaysia?


Di samping itu, kaunselor hendaklah mempamerkan ciri-ciri sahsiah yang mempunyai nilai akauntabiliti dan aspek ini boleh dinilai melalui penilaian terhadap keperluan khidmat kaunseling kepada komuniti sekolah, penilaian terhadap kesan-kesan khidmat kaunseling dan berkongsi keputusan penilaian dengan pihak lain bagi tujuan pembaikan (Baker & Gerber 2004). Berkaitan



dengan hal ini kaunselor hendaklah mempunyai kompetensi yang tinggi yang mengembangkan kemahiran serta memberi khidmat berasaskan keperluan semasa sekolah, mempromosi khidmat kaunseling dan membuat penguubahsuaian serta pembaikan terhadap program yang dijalankan. Kaunselor sekolah hendaklah bergerak berasaskan keperluan semasa sekolah. Namun, perkembangan dan perubahan masyarakat yang semakin dilanda pelbagai masalah menyebabkan profesionalisme kaunselor semakin tercabar. Allen et al. (2002) menjelaskan bahawa 57% kaunselor dalam sampel penyelidikannya kurang bersedia menghadapi tugas mereka, hanya 18% benar-benar bersedia. Kebanyakan kaunselor (75%) hanya memahami rancangan dan program intervensi yang dirancang oleh pihak sekolah tetapi mereka kurang bersedia menanganinya (Burn & Hoagwood 2002).

Usaha mengembang dan membentuk kaunselor yang profesional dan berjaya memberikan khidmat dengan berkesan di sekolah bermula dari hari pertama mereka menjalani latihan kaunseling. Misi bagi program pendidikan dan latihan kaunselor sekolah hendaklah berasaskan perkataan “melatih kaunselor berkesan bagi sekolah” dan lantaran itu kurikulum yang didedahkan kepada mereka hendaklah dirancang dengan teliti bagi mengisi keperluan terkini dan akan datang. Program latihan, pendidikan dan latihan amali atau praktis/praktikum yang terkandung dalam kurikulum latihan kaunselor adalah asas utama bagi membentuk kaunselor yang profesional. Akauntabiliti program ini hendaklah dipastikan dari masa ke masa dengan membuat penilaian terhadap program, merancang semula dan jika perlu membuat analisis. Brott (2006) mencadangkan pendekatan yang lebih sesuai ialah dengan menjalankan program yang dianggap *learn by doing* di mana para pensyarah memberikan input dan dalam masa yang sama membuat demonstrasi serentak kepada pelajar dan selepas itu pelajar pula membuat latihan. Pendekatan ini memerlukan tenaga pengajar yang pernah bertugas sebagai kaunselor dan lantas itu tenaga pengajar yang kurang berpengalaman adalah kurang sesuai.

Pelbagai persoalan perlu dijawab jika tenaga pengajar kurang berpengalaman. Apakah pengalaman sebagai seorang kaunselor yang boleh mereka kongsi dengan pelajar? Mampukah mereka membuat demonstrasi bagaimana proses kaunseling berlaku? Brott & Myers (1999) dan Brott (2006) mencadangkan bagi memastikan kaunselor menerima latihan berkesan dan penuh dengan nilai akauntabiliti, kurikulum yang ditawarkan hendaklah mengandungi aspek-aspek yang dirumus sebagai komponen yang dipanggil CAREP yang menggembeng tiga komponen utama iaitu Objektif Program, Kurikulum dan Tatacara Klinikal serta Piawai Program Kaunseling Sekolah. Ketiga-tiga komponen ini hendaklah dijalankan serentak melalui pendekatan *learn by doing*. Aspek Tatacara Klinikal bermula semasa latihan dalam program yang diikuti yang dijalankan dalam makmal kaunseling dan selepas itu diperkukuh secara realistik




melalui latihan praktikum. Komponen Piawai Program Kaunseling Sekolah hendaklah dititikberatkan supaya kaunselor dan pihak pentadbir sekolah benar-benar faham khidmat dan beban tugas kaunselor di sekolah agar tidak timbul masalah salah faham, prejudis dan konflik di antara pihak pentadbir dengan kaunselor.

Secara lebih jelas Brott (2006) mencadangkan program latihan kaunselor hendaklah mengandungi kursus-kursus: (1) hubungan menolong (*helping relationship*) yang berkaitan dengan teori kaunseling, fasa-fasa kaunseling dan proses, hubungan interpersonal, komunikasi berkesan, (2) penilaian dalam khidmat kaunseling (*appraisal in counseling*), penilaian individu dan kumpulan, penilaian emosi, personaliti, kerjaya dan minat, penilaian keperluan khidmat kaunseling semasa, (3) kaunseling sekolah, yakni pengetahuan berkaitan dengan khidmat kaunseling yang mesti diberikan di sekolah rendah. Di Amerika Syarikat aspek ini adalah berdasarkan garis panduan yang disediakan oleh ASCA National Model (2002) merangkumi aktiviti penilaian, folio profesional pelajar, aktiviti intervensi, perkembangan akademik, perkembangan kerjaya, perkembangan personal dan sosial individu, mengenal pasti keberkesanan dan kelemahan projek, menyediakan pelbagai bentuk carta berasaskan data dan menyediakan pelbagai laporan yang mempamerkan akauntabiliti kaunselor, pendedahan kepada permasalahan murid di sekolah rendah; dan (4) Tatacara Klinikal (*Clinical Instruction*), latihan dalam makmal kaunseling, latihan praktikum, aplikasi pelbagai kemahiran berasaskan teori-teori kaunseling, penyelesaian pelbagai kes, proses kaunseling kumpulan dan individu, penilaian sendiri tentang keberkesanan, mengenal pasti permasalahan khidmat, realiti khidmat kaunseling, kes-kes biasa di sekolah, kes-kes yang boleh dianggap kompleks dan baru muncul, pengutan pelbagai bentuk data, menulis laporan kajian kes yang berasaskan *GRIP: Goal, Results, Impact Statements and Program Implications*. Tiap komponen hendaklah jelas dan lengkap dengan objektif, deskripsi kursus, jumlah jam interaksi dan penilaian. Adakah komponen kurikulum kaunseling bagi kaunselor sekolah yang dicadangkan oleh Brot (2006) selaras dengan kurikulum kaunseling bagi KPLI Kaunseling? Kajian terperinci tentang perkara ini mungkin perlu dijalankan.

## TINJAUAN LITERATUR


Tugas dan peranan kaunselor semakin mencabar berdasarkan perubahan dan perkembangan-perkembangan semasa dalam masyarakat yang turut memberi kesan dan cabaran kepada profesionalisme kaunselor. Di Amerika Syarikat misalnya, krisis kesihatan mental sedang berlaku dengan serius (Heath & Sheen 2005; Johnson 2000) dan sebahagian besar masalah ini disokong melalui pelbagai



intervensi di sekolah. Masalah kesihatan mental murid dan pelajar sekolah adalah berkaitan dengan pelbagai masalah lain yang menjadi punca kepada masalah kesihatan mental. Antara masalah tersebut ialah remaja mengandung, kegagalan akademik, keciciran, masalah penyakit kritikal, kemalangan, kehilangan orang yang disayangi, kematian, kemurungan, kelansangan dan kekerasan, bunuh diri, keganasan dan mengguna senjata api, aktiviti gengster, kesan malapetaka alam (taufan, gempa bumi, banjir, ribut salji); deraan seksual, deraan fizikal, penyalahgunaan dadah, dan rawatan perubatan cemas (Allen et al. 2002; Brock et al. 2001; Johnson 2000). Masalah yang semakin serius ini dilihat sebagai pengancam kepada kestabilan dan keharmonian sekolah. Perkara ini telah mendorong pelbagai pihak memperkemas khidmat kaunseling di sekolah termasuk penubuhan *School Counselors' Role in Crisis Intervention* (Allen et al. 2001; Allen et al. 2002). Hampir 61% kaunselor sekolah di Amerika Syarikat melibatkan diri dengan program ini, tetapi setakat manakah mereka benar-benar mampu melaksanakan tugas perlukan penyelidikan khusus (Allen et al. 2002).

Khidmat kaunseling di sekolah perlu diberi perhatian dengan serius kerana penyelidikan lepas menunjukkan bahawa khidmat kaunseling yang berkesan mempunyai perkaitan positif dengan perkembangan murid secara menyeluruh. Antara lain khidmat kaunseling memberi pengaruh positif kepada pencapaian akademik murid sekolah rendah (Hadley 1988; Lee 1993), membentuk pelajar lebih berdisiplin dan mengurangkan tingkah laku agresif (Baker & Gerler 2001), membina kemahiran sosial positif (Verduyn, Lord & Forrest 1990); meningkatkan estim sendiri murid, di samping membina *locus of control* yang kukuh (Omizo & Omizo 1988; Rose & Rose 2001), membantu murid-murid yang menjadi mangsa buli di sekolah (Hanish & Guerra 2000) serta membina jangkauan kerjaya murid pada masa akan datang (Mau, Hitchcock & Calvert 1998). Di samping itu program-program pencegahan yang dijalankan di sekolah dapat mengurangkan pelbagai masalah tegar murid seperti cubaan bunuh diri dan lari dari rumah (Jones 2001). Pada keseluruhannya khidmat kaunseling yang berkesan banyak memberikan faedah kepada perkembangan murid dan membentuk iklim sekolah yang lebih harmoni.

Sungguh pun begitu, keberkesanan khidmat kaunseling di sekolah banyak dipengaruhi oleh peranan kaunselor sendiri di samping kerjasama dari pihak sekolah. Penyelidikan yang dijalankan di Missouri (Lapan, Gysbers & Sun 1997) memberikan dapatan yang menyeluruh tentang kesan khidmat kaunseling di sekolah iaitu meningkatkan prestasi akademik murid, memberi kesedaran tentang kepentingan masa depan, memberikan banyak maklumat tentang persediaan ke sekolah tinggi dan kolej, memberi kesedaran tentang kepentingan kerjaya dan membentuk semangat kekitaan yang tinggi terhadap sekolah. Penyelidikan ini juga menunjukkan keberkesanan khidmat kaunseling banyak dipengaruhi oleh keberkesanan program kaunseling yang diikuti oleh



kaunselor semasa di universiti. Dalam melaksanakan pelbagai program di sekolah, penyelidikan juga menunjukkan keberkesanan program banyak dipengaruhi oleh kerjasama yang diberikan oleh guru besar. Guru besar dan kaunselor hendaklah mempunyai pemahaman yang sama tentang kemurnian khidmat kaunseling. Kegagalan guru besar memahaminya boleh menyebabkan kaunselor gagal memainkan peranan dengan berkesan (Sutton & Fall 1995).

## METODOLOGI

### SAMPEL


Sampel kajian ini pada mulanya melibatkan 25 orang kaunselor sekolah rendah yang dilatih dalam program KPLI dalam bidang Kaunseling dari sebuah institut perguruan pada tahun 2003. Kesemuanya mula berkhidmat di sekolah rendah mulai Januari 2004. Penyelidik telah menelefon kesemuanya dan disebabkan terdapat kesamaan maklumat dan masalah perhubungan dan komunikasi penyelidik telah mengecilkkan sampel hanya kepada 15 orang sahaja. Dari segi taburan etnik, kesemua kaunselor adalah berketurunan Melayu. Min bagi umur responden ialah 30 tahun dan pada masa kajian ini dijalankan mereka telah berkhidmat selama 3 tahun setengah. Dari jumlah 15 orang responden, 8 orang adalah lelaki dan 7 orang adalah perempuan. Dari jumlah 8 orang kaunselor lelaki, 6 orang telah berumahtangga manakala kesemua 7 orang responden perempuan juga telah berumahtangga. Mereka berkhidmat di sekolah-sekolah pinggir bandar dan bandar di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Johor.

### ALAT KAJIAN

Penyelidik telah membina soalan berstruktur bagi mendapatkan pelbagai maklumat dari kaunselor tentang deskripsi masalah yang mereka kendalikan di sekolah, masalah yang mereka hadapi dengan ibu bapa, masalah dengan pihak pentadbir dan guru-guru lain di sekolah, persepsi tentang kekuatan kemahiran sendiri dan persepsi tentang kelemahan kemahiran sendiri. Penyelidik membina soalan berdasarkan temuduga terbuka terhadap 25 orang kaunselor melalui panggilan telefon dan temuduga bersemuka bagi kaunselor yang mempunyai kemudahan serta kelapangan. Selepas itu penyelidik telah membina soalan berstruktur berdasarkan maklumat umum yang dikategorikan oleh kesemua kaunselor. Temuduga bermula dengan soalan-soalan terbuka seperti berikut:

1. Terangkan khidmat kaunseling yang anda berikan di sekolah anda?
2. Apakah perasaan anda selepas lebih tiga tahun berkhidmat?





3. Terangkan masalah-masalah yang anda kendalikan?
4. Apakah masalah anda sewaktu mengendalikan kes-kes tersebut?
5. Adakah anda menghadapi sebarang masalah untuk menjalankan khidmat kaunseling yang berkesan di sekolah?
6. Pada pendapat anda apakah yang patut dilakukan bagi memperbaiki khidmat kaunseling di sekolah rendah?

### PROSEDUR

Penyelidik memulakan penyelidikan dengan menghubungi kesemua 15 orang responden melalui telefon dan e-mail bagi mendapatkan maklumat asas yang boleh dijadikan satu trend kepada soalan-soalan yang hendak dibina dalam soalan temuduga berstruktur. Pada tahap ini penyelidik telah menggunakan kaedah *grounded* yang dicadangkan oleh Glaser & Strauss (1967) dan Strauss & Corbin (1988) serta satu lagi kaedah kualitatif iaitu kaedah kualitatif konsensual (*consensual qualitative research=CQR*) yang dicadang oleh Hill et al. (2005) dan Hill, Thompson & Williams (1997). Pada tahap pertama penyelidik menemuduga semua sampel asal bagi mendapatkan data mentah yang akan mewujudkan trend. Perkara ini berlaku seperti yang dijangkakan, kebanyakan kaunselor mengemukakan pendapat yang hampir serupa. Pada tahap kedua penyelidik telah membuat pengkategorian maklumat/data berasaskan CQR. Dalam CQR, data dalam bentuk bertulis diasing-asingkan, penulis menceraikan tiap maklumat dan seterusnya tiap maklumat tersebut diberikan kod yang kemudiannya dikumpulkan menurut kategori. Proses ini dirumuskan kepada tiga tahap iaitu proses memberi kod, proses menyemak kod dan pengkategorian dan akhirnya mendapatkan maklumat input atau maklumat terperinci dari 15 orang kaunselor yang dipilih pada peringkat akhir pengumpulan data. Terdapat empat perkara utama yang perlu dikumpulkan maklumatnya iaitu: (1) kes atau masalah yang dikendalikan, (2) persepsi terhadap kemahiran kaunseling bagi menyelesaikan masalah kes, (3) kekangan menjalankan khidmat kaunseling, dan (4) kekuatan dan kelemahan kursus kaunseling yang diterima serta (5) cadangan bagi memperbaiki profesionalisme kaunselor.

### ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Analisis data untuk penyelidikan ini dibahagikan kepada tiga bahagian besar iaitu bahagian pertama adalah berkaitan dengan permasalahan pelajar yang dikendalikan oleh kaunselor, bahagian kedua adalah permasalahan yang dihadapi kaunselor bagi menjalankan khidmat bimbingan di sekolah dan bahagian tiga

adalah berkaitan dengan penilaian tentang ketekalan program kaunseling yang diikuti kaunselor.

### BAHAGIAN 1

Pada keseluruhannya masalah murid yang dikendalikan kaunselor boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu masalah rutin biasa yang berkaitan dengan disiplin bilik darjah dan disiplin sekolah dan bahagian kedua adalah masalah-masalah yang berkaitan dengan perkembangan-perkembangan semasa yang mencabar kaunselor dalam menjalankan tugasnya. Jadual 1 berikut merumuskan masalah-masalah murid yang kaunselor kendalikan di sekolah rendah.

**JADUAL 1 :** Taburan pelbagai masalah murid sekolah rendah kendalian kaunselor


Masalah Kategori 1	Masalah akademik	Y	
	Malas dan kurang motivasi	Y	
	Masalah menyiapkan kerja rumah	Y	
	Masalah dengan rakan sebaya	Y	
	Masalah pembelajaran	Y	
	Masalah disiplin sekolah/melanggar peraturan sekolah	Y	
	Tidak menghadiri kelas	Y	
	Ponteng biasa	Y	
	Bergaduh, bertumbuk	Y	
	Vandalisme	Y	
	Pasif	Y	
	Masalah Kategori 2	Ponteng tegar	YX
		Mencuri 1	YX
Mencuri 2		YX	
Kumpulan bermasalah		YX	
Membawa dan mengedar bahan lucah		YX	
Menonton bahan lucah		X	
Bertutur lucah		YX	
Deraan fizikal		X	
Deraan seksual		X	
Pendedahan kepada pornografi		X	
Aksi lucah dalam bilik darjah		YX	

Membantu ibu bapa bekerja	YX
Membantu keluarga seperti menjaga adik kecil	YX
Terdedah kepada pelacuran	YX
Kemiskinan	YX
Terabai	YX
Penagihan rokok dan ganja, hidu gam	YX
Terasing	YX
Murung berpanjangan	YX
Bercadang lari dari rumah	YX

Petunjuk: Y = boleh diselesaikan, YX = sukar diselesaikan kerana melibatkan ibu bapa dan pihak lain X = amat sukar diselesaikan.

Jadual 1 adalah taburan pelbagai masalah murid sekolah rendah yang dihadapkan kepada kaunselor. Masalah dalam Kategori I adalah masalah biasa yang dihadapi oleh murid bagi kebanyakan sekolah rendah di negara ini dan masalah-masalah ini adalah berkaitan masalah pembelajaran dan pelanggaran peraturan atau disiplin sekolah seperti masalah sikap malas, kurang motivasi, tidak menyiapkan kerja rumah, ponteng biasa (dalam jumlah hari yang singkat tetapi kadang kala kerap), bergaduh dengan rakan sebaya dan vandalisme. Semua masalah ini keseluruhannya boleh ditangani kaunselor dengan baik dan mereka memang mempunyai kemahiran untuk menyelesaikannya kerana kurang melibatkan pihak luar termasuk ibu bapa murid.


Bagaimanapun kaunselor memang mempunyai masalah bagi menyelesaikan masalah dalam Kategori 2 yang dianggap begitu mencabar dan sesetengahnya adalah masalah baru muncul kesan dari perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat: perubahan-perubahan demografi kependudukan, pembentukan keluarga asas yang besar, ibu bekerja sepenuh masa bagi menampung kos hidup tinggi, perceraian yang semakin meningkat, anak-anak kurang pengawasan, anak-anak terdedah kepada bahaya moral kerana persekitaran yang tidak sihat, kemiskinan tegar di bandar, sikap penduduk bandar yang kebendaan dan individualistik. Di antara masalah tersebut ialah: ponteng tegar di mana terdapat kanak-kanak ponteng dalam jangka masa yang panjang dan ponteng ini adalah berkaitan dengan latar belakang hidup yang miskin di mana anak-anak terpaksa membantu ibu bapa menjalankan perniagaan kecil seperti menjual makanan di gerai, mengambil alih tugas ibu yang bekerja bagi menjaga adik-adik yang lebih kecil atau kanak-kanak kurang pengawasan, mereka tidak pergi sekolah sebaliknya menjalankan aktiviti negatif lain.



Kejadian Mencuri 1 adalah kanak-kanak yang mencuri barangan rakan-rakan seperti alat tulis, wang saku atas desakan hidup. Wang curian diguna untuk membeli makanan kerana ibu bapa tidak menyediakan sarapan pagi kerana terpaksa meninggalkan rumah untuk menaiki bas kilang. Ibu bapa tidak memberikan wang saku yang mencukupi sedangkan harga makanan di kantin sekolah agak mahal. Wang saku adalah perlu kerana jumlah jam bersekolah anak-anak agak lama, kadangkala hingga jam 4.00 petang sedangkan budaya membawa bekal semakin pudar di sekolah-sekolah. Mencuri 2 pula melibatkan kanak-kanak dari pelbagai lapisan kelas sosial dan wang curian biasanya diguna untuk membeli barang-barang mewah yang menjadi idaman kanak-kanak dan remaja pada masa ini seperti telefon bimbit bergambar, *i-pod*, *play station*, pakaian jenama tinggi atau mengisi keperluan berbelanja mewah di bandar seperti di premis makanan segera serta menampung keperluan membeli rokok dan ganja. Bagi melaksanakan kegiatan mereka lebih licin, terdapat kanak-kanak yang membentuk kumpulan-kumpulan haram yang bekerjasama satu sama lain untuk menjalankan kegiatan mencuri, mengugut, berjudi, melindungi ahli dan menjual barang-barang curian seperti telefon bimbit kepada orang tertentu. Kumpulan mereka sungguh licik dan sukar dikesan.

Masalah yang serius juga ialah masalah pendedahan kanak-kanak kepada semua perkara yang berkaitan dengan pornografi dan segala bentuk kelucahan seperti mengedar bahan lucah, terdedah kepada pornografi dan bahan lucah yang lain. Misalnya terdapat kanak-kanak lelaki Tahun 1 meminta rakan sekelasnya melakukan seks oral dalam bilik darjah kerana sering memerhatikan ibu bapanya melakukan aktiviti yang sama di rumah sambil menonton filem porno. Terdapat juga kanak-kanak perempuan Tahun 5 yang dikejutkan bapa tirinya setiap malam bagi menonton filem lucah sebaik sahaja ibunya pergi bekerja syif malam. Malah terdapat juga kanak-kanak perempuan yang mengalami deraan seksual oleh bapa, abang dan bapa tiri sendiri. Kes-kes deraan fizikal juga sukar diatasi seperti kes deraan fizikal oleh ibu tiri dan kes deraan fizikal kesan dari stres kemiskinan ibu bapa. Di sekolah terdapat pengedar video lucah yang dijual secara rahsia, malah pengedarnya menawarkan kanak-kanak lain menonton filem lucah di rumahnya dengan bayaran RM5.00. Persekitaran tempat tinggal yang tidak sihat seperti rumah pangsa kos rendah juga mendedahkan kanak-kanak dan remaja kepada erti pelacuran, perkataan-perkataan kesat dan kotor yang mereka tiru dari jiran-jiran buruh pendatang atau pendatang haram yang sering membawa pulang pelacur ke kediaman mereka.

Mungkin kanak-kanak yang paling malang dalam dunia adalah kanak-kanak-kanak yang lahir dari latarbelakang keluarga yang miskin. Lebih miskin jika mereka datang dari keluarga ibu tunggal yang tiada sejarah kerjaya. Anak-anak datang ke sekolah dengan pelbagai masalah yang berkaitan dengan gangguan emosi, masalah sahsiah yang tidak menarik, terlibat dengan masalah




mencuri kerana desakan keperluan makanan, ponteng tegar, malah terdapat juga kanak-kanak perempuan terdedah kepada pelacuran. Dalam kes pendedahan kepada aktiviti pelacuran, kanak-kanak perempuan dilanggani oleh pendatang asing dengan bayaran yang murah. Ibu tunggal memberikan gerak balas kurang terperanjat, malah beliau sendiri mengetahui bahawa anaknya mempunyai wang belanja sekolah RM20 sehari yang turut diagihkan kepada adik-adik lain. Ibu tunggal ini mungkin pasrah dengan apa yang dilakukan anaknya, sekurang-kurangnya dia menyumbang wang kepada adik-adik dan dirinya sendiri yang masih bersekolah.

Kemiskinan terutamanya kemiskinan ibu tunggal mempunyai kaitan dengan masalah-masalah lain di sekolah seperti pencapaian akademik rendah, tidak menguasai kemahiran 3R, ponteng tegar, berhenti sekolah, murung berpanjangan, deraan fizikal dan pengabaian. Misalnya tiga orang kanak-kanak diabaikan oleh ibunya yang mengalami sakit mental selepas suaminya menghilang diri. Keperluan asas kanak-kanak hanya bergantung kepada ihsan jiran-jiran dan ketiga-tiga orang kanak-kanak ini hampir berhenti sekolah, berpenyakit kulit dan batuk memanjang. Keadaan tambah teruk kerana jiran-jiran kurang mengetahui ke manakah keluarga ini hendak dirujuk. Maksudnya bagi golongan berpendapatan rendah masalah mereka tambah rumit kerana kekurangan maklumat di mana mereka boleh mendapatkan sokongan sosial. Pengabaian terhadap kanak-kanak menjadi lebih serius apabila mereka mula melibatkan diri dengan rakan sebaya senasib, sama latarbelakang dan mula menjalankan aktiviti negatif seperti merokok, menghisap ganja, terdedah kepada arak, judi, hidu gam, pornografi dan homoseksual. Lebih malang lagi apabila ibu bapa mereka sendiri terlibat dengan pelbagai bentuk penagihan dan terdedah kepada bahaya pelbagai penyakit berjangkit seperti HIV positif, AIDS, lupus, hepatitis A,B,C dan penyakit berkaitan dengan hubungan seks rambang. Adakah kaunselor sekolah berjaya atau mampu menangani pelbagai masalah ini?

## BAHAGIAN 2

Bahagian ini membincangkan masalah kaunselor menjalankan tugas yang berkaitan dengan keberkesanan khidmat kaunseling, sekali gus memberikan kesan kepada profesionalisme kaunselor. Terdapat tiga bahagian utama dalam perbincangan ini iaitu *self-efficacy* atau upaya sendiri kaunselor dalam menangani masalah yang berasaskan pelbagai kemahiran menyelesaikan masalah, masalah pihak pentadbir dan komuniti sekolah serta keperluan kemahiran-kemahiran lain.

Hampir kesemua responden berpendapat bahawa mereka kurang mempunyai masalah bagi menangani kes-kes dalam Kategori 1 yang keseluruhannya berkaitan dengan pelanggaran disiplin/peraturan sekolah dan



masalah pembelajaran. Masalah-masalah ini adalah rutin harian yang boleh ditangani melalui khidmat kaunseling, konsultasi dan penyelarasan pelbagai aktiviti berkala. Lebih mudah lagi masalah dalam kategori ini kadang kala sudah sedia garis panduannya apakah yang perlu dilakukan. Misalnya masalah ponteng biasa, kerap melanggar disiplin sekolah dan kerap tidak menyiapkan kerja sekolah. Masalah ini biasanya dirujuk oleh guru kelas murid-murid. Hanya kadang kala tindakan guru disiplin sekolah bertentangan dengan kaunselor. Murid menerima hukuman terlebih dahulu, kemudian barulah dirujuk kepada kaunselor. Kadangkala penyelesaian masalah ini memerlukan kaunselor mengadakan sesi kaunseling lain dengan ibu bapa yang juga bermasalah. Pernyataan responden tentang perkara ini adalah seperti berikut:

Masalah ini adalah masalah biasa dan intervensinya juga telah tersedia, hanya dalam kes tertentu murid gagal memberikan kerjasama. (R2)

Masalah murid malas belajar adalah masalah biasa, hampir setiap hari dirujuk kepada saya. Saya mengadakan sesi kaunseling individu dan murid yang terlibat akan terlibat sama dalam kem motivasi anjuran sekolah. (R15)


Bila berhadapan dengan ibu bapa kaunselor tidak hanya menerangkan garis panduan dasar tindakan terhadap kes tetapi juga perlu menjalankan kaunseling yang sebahagian besarnya berkaitan dengan kemahiran keibubapaan. Inilah aspek yang kaunselor paling tidak yakin dan jalan akhir yang perlu dilakukan ialah menghubungi kaunselor yang lebih berpengalaman bagi mendapatkan konsultasi. Apakah yang harus dilakukan jika masalah itu tidak boleh ditangguh penyelesaiannya?

Apabila melibatkan ibu bapa, tugas kami menjadi sukar kerana ibu bapa gagal menghadirkan diri dengan pelbagai alasan. (R11)

Jika kami mengadakan ceramah keibubapaan atau motivasi ibu bapa, yang hadir ialah ibu bapa yang anak mereka kurang bermasalah. Ibu bapa yang sepatutnya hadir enggan mengambil bahagian. (R5)

Kaunseling dengan ibu bapa agak sukar kami lakukan kerana ibu bapa kebanyakannya lebih tua dari saya. Saya kurang yakin dan belum mahir dengan keibubapaan. Saya hanya membuat penerokaan dan memberi cadangan sahaja. (R13)

Sekolah saya menjemput penceramah yang mahir dengan keibubapaan. Tetapi sesi soal jawab adalah terhad kerana masanya tidak mencukupi. Soalan-soalan dari ibu bapa yang mempunyai anak bermasalah agak menggalakkan. (R8)




Hampir kesemua responden menyuarakan persepsi kurang yakin apabila menangani kes-kes seperti dalam Kategori 2. Kes-kes ini kurang yakin ditangani kerana empat faktor utama iaitu: (1) kurangnya garis panduan yang jelas atau tidak ada langsung bagi menanganinya, (2) kurangnya kemahiran asas, pengalaman dan pengetahuan bagi menanganinya, (3) kurang sokongan dan kerjasama dari pihak pentadbir dan alasan utama yang diberikan ialah 'boleh memburukkan nama baik sekolah' dan (4) melibatkan banyak pihak dan dianggap pentadbir sebagai rumit seperti melibatkan pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Seorang klien saya memang jelas menjadi mangsa deraan seksual bapa tirinya. Saya memanjangkan kes kepada pihak pentadbir tetapi tindakannya terlalu lambat. Pentadbir kurang suka dengan kes kerana memburukkan nama sekolah. ( R5)

Kes deraan fizikal dan seksual yang melanda klien saya berumur 11 tahun telah saya rujuk tetapi hingga 3 bulan belum ada tanda-tanda tindakan akan diambil. Lama-lama kes yang saya anggap begitu panas dengan semangat saya, menjadi suam-suam kuku. Di manakah silapnya? (R10)

Kes-kes yang melibatkan ibu bapa memang sukar diselesaikan kerana ibu bapa enggan memberi kerjasama. Terdapat ibu yang enggan memberi kerjasama kerana melindungi suami mudanya. Klien terus menjadi mangsa deraan fizikal. Kaunselor mesti diberi garis panduan yang lebih mantap supaya boleh bertindak cepat. (R12)

Jika ada pun guru besar atau pentadbir yang cuba memberi gerak balas, perjalanan kes akan mengambil masa yang panjang. Kes-kes seperti kes penderaan seksual misalnya perlu dibawa ke dalam pengetahuan pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan kadangkala mengambil masa yang lama, sehingga tiga bulan. Lama kelamaan kes yang panas menjadi suam-suam kuku dan sejuk, mangsa terus tidak terbela dan hal ini sangat mengecewakan kaunselor. Perogol kanak-kanak terus berleluasa dan kaunselor tidak boleh membuat laporan polis. Lebih-lebih lagi bila terdapat ibu yang enggan memberi kerjasama kerana terlalu sayangkan suami kedua yang kacak dan muda. Terdapat juga ibu enggan memberikan kerjasama atas alasan jika suaminya menjalani hukuman penjara siapakah hendak menanggung beban menyara lima orang anak yang masih kecil? Berkaitan dengan perkara ini terdapat kunselor yang agak kreatif dan menjalankan tindakan sendiri dengan membawa kanak-kanak mangsa ke hospital atau pusat kesihatan dengan alasan kanak-kanak tersebut perlukan pemeriksaan dan rawatan. Dalam kes ini pihak pusat perubatan/doktor perubatan akan membuat laporan kepada pihak polis dan selepas itu barulah tindakan diambil. Bagaimana




pun terdapat juga pihak pentadbir sekolah yang kurang senang hati dengan tindakan kaunselor dengan alasan 'menyusahkan sahaja'.

Saya tiada pilihan lain dan terpaksa membawa klien saya berjumpa doktor perubatan kerana prosedur bagi kanak-kanak mangsa deraan agak lambat dan saya tidak boleh terus membuat laporan polis. Hanya doktor perubatan sahaja yang boleh berbuat demikian. (R7)

Kes-kes seperti anak yatim terbiar memerlukan lawatan ke rumah dan prosedur memberi bantuan agak mengambil masa yang panjang. Pihak sekolah melaporkan kepada PPD terlebih dahulu dan selepas itu ke Pejabat Pelajaran Negeri. Hanya mereka sahaja yang boleh memberi keizinan bagi mendapatkan bantuan dari pihak lain. Perjalanan kes agak lembab, sedangkan klien memerlukan pembelaan. (R8)

Keberkesanan khidmat kaunseling di sekolah rendah juga mengalami pelbagai masalah berkaitan dengan ragam guru-guru dan pentadbir sekolah sendiri. Bukan semua pentadbir atau guru besar sekolah rendah memahami khidmat murni ini. Antaranya ialah guru besar tidak memahami erti dan kepentingan khidmat, menganggap sepi tentang khidmat, memaksa kaunselor mengajar sepenuh masa, menjadikan bilik kaunseling setor buku, tidak mempercayai khidmat kaunseling, memaksa kaunselor menjadi guru ganti setiap hari, kaunselor mengajar murid-murid yang gagal mengatasi 3R kerana ketiadaan guru pakar, kaunselor sentiasa mengetuai dan mengiringi murid bagi aktiviti luar sekolah seperti sukan, perbahasan dan sambutan hari kebesaran dan sudah tentu kaunselor mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral kerana semasa di institut perguruan mereka memang didedahkan kepada pengajaran Pendidikan Moral. Dalam masa yang sama kaunselor juga kadangkala kurang disenangi oleh guru-guru lain dengan tuduhan beban tugas mereka ringan kerana tidak menjadi guru kelas, khidmat kaunseling dijadikan bahan lelucon dengan alasan yang paling berkesan mengajar murid ialah 'tamparlogi' dan terdapat juga guru-guru lain yang sentiasa merujuk masalah muridnya kepada kaunselor tanpa henti-henti walaupun masalah tersebut kecil dengan alasan "dia tak ada kerja, jadi kita kenalah bagi dia kerja". Situasi-situasi ini terutama dalam hal yang berkaitan dengan kerenah pentadbir yang tidak memahami konsep kaunseling menyebabkan kaunselor berada dalam keadaan dilema, konflik, serba salah dan demi menjaga periuk nasi mereka, mereka bersikap pasrah serta mengikut sahaja kerenah guru besar yang sering bertukar. Tiap guru besar mempunyai kerenah yang berbeza, termasuk menjadikan bilik kaunseling yang sudah mantap kepada setor buku. Keadaan ini menyebabkan khidmat kaunseling kurang berkesan.





Sukar menjalankan sesi kaunseling seperti dalam garis panduan. Pentadbir kurang berminat dengan khidmat kaunseling. Saya lebih banyak mengajar daripada memberi khidmat kaunseling. (R4)


Selagi ada aktiviti luar sayalah yang akan mengiringi murid sekolah ini. Guru lain beranggapan kaunselor tidak ada kerja. Bilakah masanya saya hendak menjalankan khidmat kaunseling. (R7)

Tiap hari saya terpaksa menjadi guru ganti kepada kelas yang gurunya pergi berkursus. Lama-lama bilik kaunseling saya terus berhabuk sebab saya jarang membukanya. Saya tiada masa. (R9)

Saya memang sejak dari mula ingin menjadi kaunselor tetapi tugas saya terganggu kerana diarahkan mengajar murid lembam. Saya tiada kemahiran, rasanya ingin sahaja saya terus menjadi guru biasa jika gagal berpindah ke sekolah lain. (R8)

### BAHAGIAN 3

Di samping pengaruh persekitaran yang seakan mengancam khidmat kaunseling di sekolah rendah, kaunselor juga merasakan latihan yang mereka terima di institut perguruan kurang mantap. Keadaan ini adalah disebabkan kurikulum program KPLI terlalu padat, kaunselor mengikuti kurikulum yang sama dengan pengkhususan bidang lain seperti kursus-kursus wajib, aktiviti ko-kurikulum yang seakan bertindih dan kerap meninggalkan kelas di samping perjalanan kursus kaunseling yang kurang mantap dalam masa yang singkat. Diari hidup seorang pelajar KPLI adalah bermula dari jam 8.00 pagi berlarutan hingga jam 6.00 petang kerana menghadiri aktiviti permainan serta pendidikan jasmani. Di samping itu mereka juga kerap menghadiri kuliah malam yang kadangkala berlarutan hingga jam 10.00 malam. Mereka juga tidak ketinggalan mengikuti kursus pasukan seragam seperti St. John Ambulance dan Puteri Islam yang kurikulumnya turut memerlukan pelajar menjalankan aktiviti perkhemahan luar. Pertindihan berlaku kerana mereka juga menjalankan aktiviti yang hampir sama bagi Program Bina Insan Guru dan Pendidikan Jasmani. Untuk program luar Pendidikan Jasmani, pelajar terpaksa meninggalkan kelas sehari-hari sebagai aktiviti persediaan, kemudian mereka pergi menjalankan aktiviti dan selepas itu apabila pulang mereka terpaksa meninggalkan kelas sekali lagi bagi menjalankan aktiviti mengemas. Tiadakah satu langkah yang lebih mantap bagi mengatasi seluruh bentuk pertindihan aktiviti ini? Adakah seluruhnya perlu diselesaikan dalam tempoh sembilan bulan? Tidak bolehkah beberapa aktiviti ditangguh dan dijalankan selepas pelajar tamat tempoh KPLI. Bukankah pendidikan guru berlaku



sepanjang hayat? Dengan tempoh interaksi dalam bilik darjah yang mempunyai jangka masa sembilan bulan bilakah masanya kaunselor mampu menggarap seluruh kemahiran?


Satu kursus yang sangat padat. Masa menuntut di universiti dahulu pun tak macam ni. Setiap pagi harus berbaris untuk *assembly* macam murid sekolah. Perlukah majlis perhimpunan tiap hari? Sukarnya nak jadi guru. Kuliah sepanjang hari dan waktu petang ada ko-ko. (R4)

Kursus KPLI sangat padat. Kadangkala kuliah hingga jam 10.00 malam dengan waktu rehat yang kurang. Sebabnya pensyarah selalu bergerak dan perlu ada kelas ganti. (R7)

Paling membosankan dalam kursus ini ialah pertindihan aktiviti. Aktiviti perkhemahan dan pertolongan cemas dalam St. John Ambulance sudah mencukupi. Tetapi ada pula aktiviti Bina Insan Guru yang sebahagian darinya sama saja dengan St. John. Jika asyik keluar kampus sahaja bilakah masanya nak beri tumpuan kepada kursus kaunseling? (R10)

Aktiviti luar anjuran PJ lagi penuh persoalan. Sebelum pergi berhari-hari kami tak masuk kelas kerana membuat persediaan. Kemudian kami pun pergi selama empat hari. Bila balik ke kolej berhari-hari pulak kena kemaskan peralatan yang digunakan. Tiadakah cara lain supaya kami boleh beri tumpuan yang lebih baik dalam kelas? (R12)

Dari segi jumlah jam bagi Kursus Kaunseling KPLI, Kursus Kaunseling 14 Minggu mungkin lebih lama masa interaksinya kerana mereka diberi penekanan kepada kursus kaunseling sahaja. Dalam masa yang sama terdapat juga kelemahan dan kekurangan pengajaran kursus-kursus yang berkaitan dengan kaunseling. Masalah paling ketara ialah pelajar tidak diterapkan dengan kemahiran kaunseling yang murni melalui sesi praktis klinikal dalam makmal kaunseling dan ini menyebabkan kemahiran yang digarap kurang berkesan. Kemahiran ini perlu kerana sewaktu mereka di universiti mereka kurang terdedah kepada proses kaunseling. Bagi pelajar lulusan Khidmat Sosial pula pendekatan mereka agak berbeza kerana program yang mereka ikuti adalah untuk masyarakat secara keseluruhan bukannya sekolah. Kaunselor juga merasakan perlunya mereka didedahkan kepada realiti masalah pelajar sekolah rendah terkini dan dirujuk sebagai kes contoh dalam bilik darjah dan mungkin langkah yang terbaik ialah dengan menawarkan satu lagi kursus yang isi kandungannya adalah berkaitan dengan masalah sosial masyarakat yang turut membincangkan pelbagai teori seperti teori keluarga, salah laku dan teori-teori sosial. Kaunselor sangat bersetuju jika kursus berkaitan dengan keibubapaan dijadikan kursus wajib bagi



semua bakal kaunselor kerana itulah masalah harian yang mereka kendalikan bersama ibu bapa murid.

Memang tak ada makmal kaunseling. Amalan biasa dalam pengajaran proses kaunseling ialah pensyarah mengadakan sesi kaunseling dengan salah seorang pelajar dan pelajar lain memerhatikannya. (R6)

Proses kaunseling sepatutnya dipupuk lebih terperinci tetapi masa terhad dan maktab tiada makmal kaunseling. Kadang kala pembelajaran proses kaunseling berada dalam imaginasi sahaja kerana tidak dijalankan secara paraktis. (R7)

Mungkin sesi praktis terbaik ialah semasa kem kaunseling sebab kita didedahkan kepada proses kaunseling secara marathon. Alangkah baiknya jika kem ini diadakan lebih kerap. (R8)

## PERBINCANGAN

Profesionalkah kaunselor sekolah rendah Malaysia? Atau setidak-tidaknya dalam konteks kajian yang dijalankan ini. Profesionalisme kaunselor dalam penyelidikan ini dicabar oleh kesediaan mereka menangani pelbagai masalah atau krisis yang dihadapi klien yang merupakan murid sekolah rendah. Kaunselor mampu menangani masalah biasa dalam ruang lingkup pembelajaran dan disiplin sekolah tetapi agak kurang berkemampuan apabila melibatkan ibu bapa dan pihak lain di luar sekolah. Dapatan yang sama juga adalah dilaporkan oleh penyelidikan yang telah dijalankan sebelum ini di Amerika Syarikat. Kaunselor sedar dan memahami krisis yang dihadapi tetapi ada yang kurang bersedia bagi menanganinya (Allen et al. 2002; Adelman & Taylor 1998). Asas profesionalisme kaunselor bermula dari latihan yang diikuti semasa di institusi yang melatih mereka. Penyelidikan ini menunjukkan kurikulum yang diikuti adalah terlalu padat dan pihak berwajib cuba sedaya upaya melengkapkan semua kemahiran yang perlu dalam tempoh setahun (Lapan, Gysbers & Petroski 2001; Lapan, Gysbers & Sun 1997). Kemahiran-kemahiran tersebut bukan sahaja melibatkan kemahiran kaunseling tetapi juga kemahiran mengajar subjek Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani, di samping mengikuti kursus-kursus pasukan berpakaian seragam seperti Pengakap, St John Ambulan dan Puteri Islam (bagi pelajar perempuan). Di samping itu profesionalisme kaunselor adalah juga berkaitan dengan kemudahan dan kurikulum pendidikan kaunseling yang diterima. Proses pengajaran dan pembelajaran yang kurang disokong oleh kemudahan asas yang utama boleh menjejaskan profesionalisme kaunselor.

Apabila kaunselor ditempatkan di sekolah terdapat pula halangan-halangan yang mereka terpaksa tempuhi bagi melaksanakan tugas sebagai kaunselor. Halangan-halangan tersebut adalah sebahagian besarnya datang dari pihak pentadbir dan rakan sebaya kaunselor sendiri yang mungkin kurang memahami khidmat kaunseling sepenuhnya dan tugas serta peranan kaunselor di sekolah (Sutton & Fall 1995; Andy Frederick 2007). Isu dan masalah ini perlu ditangani dengan serius kerana masalah kesihatan mental di kalangan murid adalah semakin serius. Apa yang jelas ialah profesionalisme kaunselor sekolah rendah masih mempunyai ruang untuk diperbaiki termasuk dari segi input semasa mengikuti kursus, kurikulum kaunseling yang diikuti dan masalah serta halangan semasa menjalankan tugas selepas tamat mengikuti latihan. Khidmat kaunseling adalah khidmat yang diiktiraf sebagai pemangkin utama bagi menyemai pembentukan insan seimbang secara lebih humanistik dan adil berteraskan pendapat bahawa bukan semua insan berpeluang mengalami proses perkembangan dengan sempurna. Implementasi khidmat kaunseling secara konsisten adalah berkaitan dengan keselamatan dan kejayaan murid. Murid yang mendapat khidmat sokongan ini merasa selamat apabila berada di sekolah, mempunyai hubungan yang baik dengan guru, mempercayai bahawa sekolah dan pelajaran adalah penting, mempunyai pencapaian akademik yang lebih baik dan semakin kurang mempunyai masalah personal dan interpersonal (Lapan, Gysbers & Petroski 2001).

## KESIMPULAN

Penyelidikan ini membincangkan tiga dapatan utama yang berkaitan dengan profesionalisme kaunselor sekolah rendah di Malaysia iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh murid sekolah yang perlu ditangani oleh kaunselor, masalah dan halangan menjalankan khidmat kaunseling di sekolah dan persepsi kaunselor terhadap keberkesanan kursus kaunseling yang mereka ikuti di institut perguruan. Dalam bahagian pertama perbincangan adalah didapati bahawa masalah yang dialami murid pada masa ini terbahagi kepada dua masalah iaitu Masalah Kategori 1 yang merupakan masalah biasa dan Masalah Kategori 2 yang merupakan masalah serius. Kaunselor tidak menghadapi masalah bagi menangani Masalah Kategori 1 tetapi mempunyai masalah bagi menangani Masalah Kategori 2. Masalah Kategori 1 adalah seperti masalah malas belajar, kerap tidak menyelesaikan kerja rumah dan kurang motivasi. Masalah Kategori 2 adalah seperti deraan seksual, deraan fizikal, mencuri kerana keperluan hidup, terdedah kepada pelacuran dan membantu ibu bapa mencari rezeki. Masalah Kategori 2 sukar ditangani kaunselor kerana melibatkan tahap-tahap penyelesaian masalah yang mengambil masa yang agak lama dan melibatkan pihak luar kawasan sekolah.

Di samping itu profesionalisme kaunselor turut digugat oleh pelbagai halangan yang mereka tempuhi dan empat halangan paling penting ialah daya ketahanan mereka sendiri, kerehnan pihak pentadbir dan guru-guru dan sikap komuniti sekolah dan masyarakat terhadap khidmat kaunseling. Bahagian 3 adalah mengenai persepsi dan penilaian kaunselor terhadap kursus kaunseling yang mereka ikuti. Bagi memastikan khidmat kaunseling di sekolah rendah benar-benar profesional, langkah-langkah pembaikan berlandaskan pelbagai masalah yang dialami kaunselor perlu diberi perhatian serius.


### RUJUKAN

- Andy Frederick. 2007. Tanggapan pihak pentadbiran sekolah dan guru-guru terhadap peranan kaunselor pelajar di beberapa sekolah kebangsaan. Tesis sarjana tidak diterbitkan. Universiti Terbuka Malaysia.
- ASCA. 2004. *Ethical Standards for School Counselors*. Alexandria: VA.
- ASCA. 2002. *ASCA National Model*. Alexandria: VA. [http://findarticles.com/p/articles/mi-mokOC/isai\\_n860915](http://findarticles.com/p/articles/mi-mokOC/isai_n860915). [12 December 2009].
- Adelman, H.S., & Taylor, L. 1998. Mental health in schools: moving forward. *School Psychology Review*, 27: 175-190.
- Allen, M., Burt, K. Bryan, E., Carter, D. Orsi, R., & Durkan, L. 2002. School counselors' preparation for and participation in crisis intervention. *Professional School Counseling*, 6: 96-102.
- Allen, M. & Ashbaker, B.Y. 2004. Strengthening schools: Involving para-professionals in crisis prevention and intervention. *Intervention in School and Clinic*, 39: 139-146.
- Allen, M., White, A., Burt, K., Pope, D., Sanchez, L., & Rawlin, C, 2002. Trends in crisis prevention and intervention. A 15 year review of ASCA, NASP, & ACA national convention programs. Paper presented at the annual meeting of the American School Counselor Association, Portland, Oregon. <http://www.schoolcounselor.org/content.asp?pl=325&sl=133&contentid=133>. [14 November 2009].
- Baker, S.B. 2000. *School Counseling for the Twenty-First Century*. New Jersey: Prentice Hall.
- Baker, S.B., & Gerler, E.R. 2001. Counseling in schools. In D.C Locke, J.E. Myers, and E.L. Herr (Eds.), *The Handbook of Counseling*, Thousand Oaks, CA: Sage Pub.
- Brock, S. E., Sandoval, J. & Lewis, S. 2001. *Preparing for Crises in the Schools: A Manual for Building School Crisis Response Teams (2nd edition)*. NY: Wiley.

- Brott, P.E. 2005. Counselor education: Training effective counselors. *Proceedings of the International Conference on Education*, 3: 470-487.
- Brott, P.E. & Myers, J.E. 1999. Development of professional school counselor identity: A grounded theory. *Professional School Counseling*, 2: 339-348.
- Brott, P.E. 2006. Counselor education accountability: Training the effective counselor. *Professional School Counseling*, 10, 2: 179-189.
- Burns, B.J., & Hoagwood, K. 2002. *Community-based Treatment for Youth: Evidence Based Interventions for Severe Emotional and Behavioral Disorders*. NY: Oxford University Press.
- Glaser, B.G., & Strauss, A.L. 1967. *The Discovery of Grounded Theory: Strategies for Qualitative Research*. Chicago: Aldine Publishing.
- Hadley, H.R. 1988. Improving reading scores through self-esteem prevention program. *Elementary School Guidance & Counseling*, 22: 248-252.
- Heath, M.A., & Sheen, D. 2005. *School-based Crisis Intervention: Preparing All Personnel to Assist*. NY : Guilford Press.
- Hanish, L.D. & Guerra, N.G. 2000. Children who get victimized at school: what is know, *Counseling Psychology*, 53: 122-130.
- Hill, C.E., Knox, S., Thompson, B.J., William, E., N., Hess, S.A. & Ladany, N. 2005. Consensual qualitative research. *Counseling Psychology*, 52: 196-205.
- Hill, C.E., Thompson, B.J., & Williams, E.N. 1997. A guide to conducting consensual qualitative research. *Counseling Psychologist*, 25: 517-572.
- Johari Talib 2002. Work Conditions, Parenting Styles and Children's School Achievement. Disertasi PhD yang tidak diterbitkan. University of Sydney, Australia.
- Jones, R. 2001. Suicide Watch : What can you do to stop children from killing themselves? *American School Board Journal*, May: 16-21.
- Johnson, K. 2000. *School Crisis Management: A Hands-On Guide to Training Crisis Response Teams*. Alameda CA: Hunter House.
- Lapan, R.T., Gysbers, N.C & Petroski, G F. 2001. Helping seventh graders be safe and successful: A statewide study of the impact of comprehensive guidance and counseling programs. *Journal of Counseling and Development*, 79: 320-330.
- Lapan, R.T, Gysbers, N.C., & Sun, Y. 1997. The impact of more fully implemented guidance programs on the school experiences of high school students: A statewide evaluation study. *Journal of Counseling & Development*, 75: 292-302.
- Lee, R.S. 1993. Effects of classroom guidance on student achievement. *Elementary School Guidance & Counseling*, 27: 163-171.
- Mau, W.C., Hitchcock, R., & Calvert, C. 1998. High school students' career plan: The influence of others' expectations. *Professional School Counseling*, 2, 2: 161-166.

- Microsoft, 2001. *Microsoft Encarta College Dictionary*. New York: St Martin's.
- Myrick, R.D. 2001. *Bimbingan dan Kaunseling Perkembangan: Pendekatan yang Praktis*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Omizo, M.M & Omizo, S.A. 1988. The effects of participation in group counseling sessions on self-esteem and locus of control among adolescents from divorced families. *The School Counselor*, 36: 54-60.
- Rose, C.C & Rose, S.D. 1992. Family change groups for the early age child. *Special Services in the Schools*, 6: 113-127.
- See Ching Mey. 1996. The role of secondary school counselors in Malaysia - as perceived by administrations, counselors and teachers. Disertasi ijazah doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Ohio State University.
- Slaikou, K. 1990. *Crisis Intervention: A Handbook for Practice and Research*. Boston, MA : Allyn & Bacon.
- Strauss, A. & Corbin, J. 1990. *Basic qualitative research: Grounded theory Procedures and Techniques*. Sage: Newbury Park, CA.
- Sutton, J.M & Fall, M. 1995. The relationship of school climate factors to counselor self-efficacy. *Journal of Counseling & Development*, 73: 331-336.
- Verduyn, C.M, Lord, W., & Forrest, G.C. 1990. Social skills training in schools: An evaluation study. *Journal of Adolescence*, 13: 3-16.
- Willig, C & Stainton-Rogers, W. 2008. *Qualitative Research in Psychology*. LA: Sage Publications.
- Zulmahari Merawi. 2003. Tanggapan pelajar-pelajar sekolah menengah terhadap peranan guru bimbingan dan kaunseling di Sarawak. PPSM, *Jurnal Bicara Pendidik*, 3: 5-15.
- Zuria Mahmud 1998. Kaunselor sepenuh masa di sekolah-sekolah: Isu-isu dan cadangan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 283-257.

Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia



MALIM Bil. 10 (2009)

182

